

KAJIAN MAKLUM BALAS TASKA KERAJAAN TERHADAP PENILAIAN STANDARD KUALITI PENGASUHAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (SKPAK) BAGI TAHUN 2022

Feedback Study Of The Government Childcare Centre Regarding The Quality Standards Evaluation Of Early Childcare And Education (Skpak) For 2022

‘Aisyah ‘Inani bte Mohd. Saad^{1*}, Nurul Fadhlian binti Abd Salam²,
Wan Nursyahida binti Wan Abd Malek³

Unit Jaminan Kualiti, Bahagian PERMATA, KPM^{1*&2},
Program PERMATA STEM Talent, Bahagian PERMATA, KPM³

aisyahinani@moe.gov.my^{1*}, fadhlian@moe.gov.my², nursyahida@moe.gov.my³

*Corresponding Author

Received: 23 September 2023; **Accepted:** 12 October 2023; **Published:** 31 October 2023

To cite this article (APA): Mohd. Saad, ‘Aisyah ‘Inani, Abd Salam, N. F., & Wan Abd Malek, W. N. (2023). Kajian maklum balas Taska Kerajaan terhadap penilaian Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SKPAK) bagi tahun 2022. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(2), 54–68. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.6.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.6.2023>

ABSTRAK

Penilaian kualiti pendidikan awal kanak-kanak merupakan perkara yang belum pernah diseragamkan oleh jabatan dan agensi yang mengendalikan Taman Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (TASKA) di Malaysia. Satu sistem pengukuran kualiti bagi kurikulum pendidikan awal kanak-kanak telah dibangunkan dan dinamakan sebagai Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SKPAK). Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada TASKA yang telah dinilai dengan menggunakan Penilaian SKPAK dengan memberikan borang soal selidik kepada TASKA. Kaedah analisis dokumen bagi 30 borang maklum balas TASKA dapat dibentangkan melalui kaedah analisis bertema iaitu; impak penilaian kepada TASKA, maklum balas mengenai penilai SKPAK dan penambahbaikan kepada penilaian SKPAK. Dapatkan menunjukkan penilaian kualiti dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak adalah signifikan dalam memastikan pelaksanaan kurikulum berada di tahap yang memuaskan.

Kata kunci: Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SKPAK), kualiti pendidikan awal kanak-kanak, penilaian kualiti TASKA, instrumen kualiti TASKA, penilaian TASKA

ABSTRACT

The assessment of the quality of early childhood education is a matter that has never been standardized by departments and agencies that operate Early Childhood Care and Education Centres (TASKA) in Malaysia. A quality measurement system for the early childhood education curriculum has been developed and named the Early Childhood Care and Education Quality Standard (SKPAK). This study aims to get feedback from TASKA which has been evaluated using the SKPAK assessment by giving a questionnaire to TASKA. The document analysis method for the 30 TASKA feedback forms can be presented through thematic analysis methods, namely, assessment impact to TASKA, feedback on SKPAK assessors and improvements to SKPAK assessment. Findings show that quality assessment in the field of early childhood education is significant in ensuring the implementation of the curriculum is at a satisfactory level.

Keywords: Early Childhood Care and Education Quality Standard (SKPAK), quality of early childhood education, The assessment of the quality of early childhood education

PENGENALAN

Pembangunan pusat pendidikan awal kanak-kanak atau Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di Malaysia dikira sebagai satu keperluan kepada negara kerana penglibatan wanita di dalam sektor ekonomi telah meningkat sebanyak 45.5% kepada 55.1% dalam tempoh 2010 – 2021 yang melibatkan hampir 6.23 juta tenaga buruh wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Selari dengan pertumbuhan penglibatan wanita di dalam sektor ekonomi di negara ini, perkhidmatan pusat penjagaan dan pendidikan kanak-kanak juga meningkat. Menurut laporan daripada laman sesawang Kementerian Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga, sehingga 2021, sebanyak 5,326 buah TASKA direkodkan sebagai TASKA yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021).

Justeru itu, bagi memastikan kanak-kanak yang ditinggalkan pada waktu bekerja mendapat akses penjagaan dan didikan yang terbaik dan berkualiti, satu standard pengukuran aspek kualiti TASKA telah dibangunkan oleh Bahagian PERMATA, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penubuhan Standard Penilaian Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SKPAK) ini mengandungi 5 Kualiti Teras (*Core-Quality (CQ)*); CQ 1: Hubungan dan Interaksi, CQ 2: Pengasuhan dan Pembelajaran, CQ 3: Kesihatan, Keselamatan, Kebersihan dan Pemakanan, CQ 4: Kolaborasi Keluarga dan Komuniti dan CQ 5: Pentadbiran dan Pengurusan (dahulunya dikenali sebagai PERMATA Q). Pelaksanaan penilaian ini mengambil kira keseluruhan aspek yang terlibat di dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, dari aspek fizikal TASKA, keselamatan TASKA, pengasuhan kanak-kanak, pentadbiran, kebajikan, kelayakan pendidik dan sebagainya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021b).

Penilaian SKPAK melibatkan tiga (3) peringkat iaitu Penilaian Kendiri, Penilaian Validasi dan Perakuan Jawatankuasa Jaminan Kualiti. Penilaian Kendiri, iaitu penilaian sendiri terhadap TASKA masing-masing dan dilaksanakan oleh ketua di TASKA bagi kelima-lima CQ yang telah digariskan. Bagi TASKA yang melepas markah lulus bagi Penilaian Kendiri iaitu 80%, Penilaian Validasi akan dijalankan oleh panel penilai yang telah dilantik oleh Jawatankuasa Jaminan Kualiti dan mempunyai kepakaran dan pengalaman yang sewajarnya dalam bidang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Penilaian Validasi ini dijalankan dengan menggunakan Instrumen Penilaian Validasi SKPAK berserta kaedah penilaian yang pelbagai seperti pemerhatian, temu bual, analisis dokumen dan pelbagai lagi. Jawatankuasa Jaminan Kualiti akan bersidang bagi mendengar hasil penilaian yang akan dibentangkan oleh Panel Penilai. Jawatankuasa akan membincangkan kekuatan, kelemahan dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh TASKA. Penganugerahan sijil akan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Jaminan Kualiti berdasarkan syor oleh Panel Penilai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021a).

Proses pembangunan SKPAK melibatkan kerjasama daripada pihak KPM dan juga pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dari universiti awam dan swasta di Malaysia. Pembangunan instrumen penilaian validasi SKPAK telah melalui beberapa proses pembangunan seperti bengkel dan mesyuarat, kesahan kandungan, kajian rintis dan keboleh percayaan antara penilai. Kesemua proses ini mengambil masa hampir setahun dalam memastikan setiap kandungan yang terdapat pada instrumen relevan dengan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

PERNYATAAN MASALAH

Penilaian kualiti dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak ternyata bukanlah sesuatu yang baharu di kebanyakan negara-negara lain. Terdapat instrumen pengukuran kualiti pendidikan awal seperti *Infant/Toddler Environment Rating Scale (ITERS)*, *Early Childhood Environment Rating Scale (ETERS)* dan *Quality Rating and Improvement System (QRIS)* yang dibangunkan bagi mengukur keseluruhan aspek yang terlibat dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak seperti persekitaran fizikal, keselamatan, kebersihan, pemakanan, pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak dan pelbagai lagi (Helmerhorst et al., 2017).

Selari dengan lima (5) hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 - 2025), ianya menekankan tentang peningkatan akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Peningkatan kualiti pendidikan dinilai melalui prestasi murid di sekolah dan juga standard antarabangsa. Peratusan peningkatan yang ditunjukkan sehingga gelombang ketiga dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia membuktikan bahawa kualiti pendidikan Malaysia adalah progresif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pada tahun 2022, sebanyak 57 buah TASKA di dalam agensi kerajaan telah menjalani penilaian SKPAK ini dan telah diperakurkan berdasarkan laporan penilaian yang dibentangkan oleh penilai. Keputusan perakuan ini digunakan oleh TASKA dalam menambahbaik mutu perkhidmatan, menjalankan perkongsian penambahbaikan dan sokongan, merancang latihan kepada pendidik, merancang peruntukan infrastruktur dengan lebih bersasar dan pelbagai lagi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021b).

Walau bagaimanapun, memandangkan pelaksanaan penilaian kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia ini baru dilaksanakan, maklum balas daripada TASKA yang dinilai belum pernah didapatkan dan dianalisis secara berfokus dan bertema. Maklum balas daripada pihak yang dinilai dapat menambah mutu sistem penilaian yang dijalankan serta menambah balik ruang yang digariskan dengan lebih jelas dan terancang (Winnie & Butler, 1994). Justeru itu, kajian ini akan mengkaji maklum balas TASKA berkaitan tentang penilaian yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022.

TUJUAN KAJIAN

Dalam memastikan kemenjadian murid di peringkat sekolah rendah dan menengah, kerajaan perlu juga menyediakan platform pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia berada di tahap yang baik dan berkualiti. Justeru itu, bagi memastikan penilaian terhadap kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia dapat memberi impak positif kepada sektor yang dinilai, kajian ini dijalankan bagi meninjau maklum balas TASKA terhadap penilaian SKPAK yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022.

Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi meneroka aspek penilaian yang boleh ditambah baik dalam memberi impak kepada TASKA yang akan dinilai di masa akan datang. Memandangkan sistem pengukuran penilaian SKPAK ini baharu sahaja dijalankan ke TASKA-TASKA di Malaysia, terdapat banyak ruang peningkatan yang perlu dititik beratkan.

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang penambahbaikan yang telah dijalankan oleh TASKA melalui penilaian SKPAK yang telah dijalankan. Maklumat ini akan menggariskan dengan jelas bahagian kualiti yang terdapat di TASKA yang telah ditambahbaik oleh pendidik dan pengusaha TASKA.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada TASKA Kerajaan tentang penilaian SKPAK yang telah dijalankan di TASKA Kerajaan sepanjang tahun 2022. Terdapat tiga (3) objektif bagi kajian ini iaitu :

- i. meninjau maklum balas TASKA Kerajaan terhadap penilaian SKPAK yang telah dijalankan pada tahun 2022;
- ii. meneroka aspek penilaian yang boleh ditambahbaik dalam memberi manfaat kepada TASKA Kerajaan yang dinilai di masa akan datang; dan
- iii. meninjau penambahbaikan yang akan dijalankan oleh TASKA Kerajaan selepas penilaian dijalankan.

TINJAUAN LITERATUR

Maklum Balas Penilaian

Maklum balas merupakan “maklumat di mana seseorang individu boleh mengesahkan, menambah, memperincikan atau menstrukturkan semula dalam ingatannya, sama ada maklumat tersebut adalah domain pengetahuan, pengetahuan metakognitif, keyakinan ke atas dirinya dan tugas yang dilaksanakan, atau taktik kognitif dan strategi.” (Osuala et al., 2018).

Menurut Ling, Ying Leh, Abdul Ghani Kanesan Abdullah dan Aziah Ismail (2015), maklum balas melibatkan reaksi formal dan tidak formal daripada yang diperlukan dalam satu organisasi pendidikan bagi meningkatkan prestasi dan standard piawaian yang ditetapkan oleh organisasi.

Maklumat daripada maklum balas biasanya digunakan bagi mengekal dan menambah baik operasi yang dijalankan bagi memastikan hasil yang didapati adalah positif dan dapat memberi manfaat kepada organisasi (Lam, Yik & Schaubroeck, 2002).

Justeru itu, maklum balas berkaitan penilaian yang dijalankan adalah sesuatu perkara yang perlu dititikberatkan dalam memastikan amalan atau praktis yang dijalankan memberi pulangan yang sewajarnya. Maklumat daripada maklum balas dapat memberikan arah kepada sesuatu perancangan yang sedang dibuat.

KUALITI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Kajian tentang kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia telah menunjukkan pelbagai dapatan daripada pelbagai aspek kualiti. Dalam kajian Mat Seri, Mamat, Omar dan Kamaruddin (2020) menyatakan aspek kualiti pendidikan awal kanak-kanak seperti keselamatan, polisi, peraturan dan yuran TASKA telah diukur melalui persepsi ibu bapa yang

menghantar anak di TASKA Selangor. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya ibu bapa berpuas hati dengan perkhidmatan TASKA yang disediakan.

Dapatan kajian ini tidak selari dengan satu kajian berkaitan tentang Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 yang menyatakan bahawa kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia masih di tahap yang membimbangkan dan memerlukan satu aspek pengukuran kualiti serta pihak yang bertanggungjawab dalam menjalankan pemantauan terhadap pengukuhan kualiti TASKA di Malaysia (Mutalib & Saleh, 2021).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Sulaiman dan Lie (2021) tentang hubungan yang mempengaruhi kualiti pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di TASKA Selangor dan kualiti pendidikan awal kanak-kanak secara keseluruhan, telah mendapati bahawa fasiliti fizikal TASKA, komitmen pekerja TASKA, komunikasi komuniti TASKA dan kebolehan pekerja TASKA mempunyai hubungan yang signifikan dalam memastikan kualiti TASKA berada di tahap yang tinggi.

Secara umumnya, kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia masih memerlukan banyak ruang penambahbaikan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak yang berada di TASKA berada di dalam keadaan yang baik. Menurut Araujo *et al.* (2019) kualiti pendidikan awal kanak-kanak boleh diukur dua (2) konsep iaitu struktural dan proses. Konsep struktural adalah infrastruktur, ketersediaan bahan pembelajaran dan kurikulum, kelayakan dan pengalaman pengasuh, dan nisbah pengasuh dengan kanak-kanak dan konsep bagi proses adalah dimensi tersirat yang terdapat di TASKA seperti pelaksanaan kurikulum, kekerapan dan sifat interaksi yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan pengasuh, pengasuh dan ibu bapa serta pengasuh dan organisasi.

STANDARD KUALITI PENGASUHAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Pada tahun 2017, satu sistem penilaian kualiti TASKA telah dibangunkan dan dinamakan sebagai PERMATA Q. Sistem penilaian kualiti ini telah ditambahbaik dan dijenamakan semula sebagai Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SKPAK) pada tahun 2021 di bawah KPM.

Sistem pengukuran kualiti ini merangkumi lima kualiti teras yang menilai kualiti dalam pendidikan awal kanak-kanak iaitu; Interaksi dan Komunikasi (Pendidik, Pengurusan, Ibu bapa dan Kanak-Kanak), Pengasuhan dan Pendidikan, Keselamatan, Kesihatan, Kebersihan dan Pemakanan, Kolaborasi Keluarga dan Komuniti serta Pengurusan dan Pentadbiran.

Sepanjang tahun 2022, sistem pengukuran kualiti ini telah menilai dan memperakukan tahap kualiti bagi 57 buah TASKA di bawah agensi kerajaan di Malaysia. TASKA yang terlibat adalah TASKA daripada pelbagai agensi iaitu daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) dan Pusat Anak PERMATA Negara (PAGN), KPM. Penilaian ini telah menggariskan aspek kekuatan dan kelemahan TASKA yang boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam menghasilkan perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan yang baik.

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah analisis dokumen. Bagi kajian ini, pengkaji telah mengkaji 30 borang maklum balas yang telah dilengkapkan oleh TASKA yang selesai menjalani penilaian pada tahun 2022. Borang maklum balas ini telah mendapatkan kesahan kandungan dan bahasa daripada pakar yang mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Kaedah analisis dokumen ini digunakan bagi meninjau maklum balas TASKA terhadap penilaian SKPAK yang dijalankan sepanjang tahun 2022. Terdapat lima (5) soalan terbuka yang diberikan kepada Ketua Pendidik untuk dijawab berdasarkan penilaian dan markah kualiti yang diterima.

SAMPEL KAJIAN

Pengkaji telah menyerahkan borang kaji selidik ini kepada 58 TASKA yang selesai dinilai pada tahun 2022. TASKA yang dinilai pada tahun 2022 adalah TASKA kerajaan daripada pelbagai agensi seperti Pusat Anak PERMATA Negara, KPM, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Kemajuan Masyarakat dan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Daripada 58 TASKA yang diberikan borang kaji selidik, 18 TASKA memulangkan borang kaji selidik tanpa jawapan manakala lagi 10 TASKA tidak memulangkan borang tersebut. Oleh itu, data bagi kajian ini hanya diperolehi daripada 30 TASKA yang telah memulangkan borang kaji selidik dengan jawapan lengkap. Beberapa tatacara diambil kira dalam menjalankan kajian ini. Setelah mendapatkan kebenaran daripada Bahagian PERMATA, KPM dan agensi-agensi lain, pengkaji telah menghantar borang maklum balas penilaian melalui e-mel TASKA. Pengkaji memberikan tempoh 1 hingga 2 minggu kepada TASKA untuk menjawab soalan terbuka pada borang maklum balas penilaian.

KAEDAH ANALISIS DATA

Pengkaji telah mengkategorikan dan melabelkan setiap jawapan pada borang maklum balas yang dijawab oleh TASKA dengan label yang sesuai dan mudah untuk dikategorikan pada ruangan dapatan. Data-data ini telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis bertema (*thematic analysis*). Pengkaji melaporkan dan membincangkan hasil dapatan kajian ke dalam bentuk maklumat bertema. Kesahan tema yang dibina juga telah diperoleh daripada pakar yang sama.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi iaitu pertama, pengkaji hanya mendapatkan maklumat maklum balas daripada Ketua Pendidik atau Pengurus TASKA sahaja dan tidak melibatkan pendidik lain yang dinilai. Kedua, hasil jawapan maklum balas penilaian ini bergantung pada kejujuran dan keikhlasan Ketua Pendidik atau Pengurus TASKA ketika menjawab soalan pada borang. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk mewakili konteks


TASKA yang telah dinilai pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada penilai SKPAK, pengurusan SKPAK dan juga kepada TASKA yang akan dinilai pada masa akan datang. Kajian lanjutan boleh diteruskan dengan mengkaji respons dan pandangan penilai dan agensi yang menyelia TASKA bagi menambah baik sistem penilaian kualiti di TASKA.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau maklum balas TASKA terhadap penilaian SKPAK yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022, meneroka aspek penilaian yang boleh ditambahbaik dan meninjau penambahbaikan yang dijalankan oleh TASKA selepas daripada penilaian SKPAK dijalankan.

IMPAK PENILAIAN KEPADA TASKA

Melalui borang maklum balas yang dilengkapkan oleh pihak TASKA, didapati penilaian SKPAK telah memberi pelbagai impak positif dan negatif terhadap amalan yang dipraktikkan oleh TASKA daripada pelbagai aspek yang digariskan pada Rajah 1.



Rajah 1 *Impak Penilaian Kepada TASKA*

3.1.1 MENINGKATKAN PEMATUHAN DARI ASPEK KESELAMATAN

Isu keselamatan merupakan isu yang jelas dan sering digariskan oleh TASKA setelah menjalani penilaian SKPAK. TASKA 23 menyatakan bahawa daripada penilaian yang dijalankan, TASKA dapat membezakan dan faham tentang kepentingan untuk meletakkan kunci pada pintu TASKA serta melabel kunci tersebut, menandakan pelekat kuning pada lantai yang berbeza ketinggian dan meletakkan katil kanak-kanak dengan cara yang selamat. Pandangan ini juga selari dengan maklum balas daripada TASKA 21 yang juga menggariskan tentang kepentingan mencetak dengan jelas tentang pelan lantai kecemasan TASKA dan menyelesaikan isu haiwan liar yang berkeliaran di sekitar TASKA. TASKA 3 telah mengambil

tindakan segera dengan menukar siling TASKA yang pecah selepas mendapat teguran daripada para penilai.

Dalam pandangan lain, TASKA 24 menyatakan bahawa menampal nombor telefon kecemasan di dinding TASKA merupakan antara elemen yang baharu diketahui kepentingannya daripada penilaian yang dijalankan.. Dari aspek keselamatan lain, TASKA 25 juga menyatakan tentang kepentingan alat pemadam api di TASKA, tempat yang sesuai untuk meletakkan alat pemadam api dan juga cara penggunaan alatan tersebut.

Aspek keselamatan lain yang diketengahkan oleh TASKA 18 adalah memastikan peralatan permainan kanak-kanak berada di dalam keadaan selamat dan permukaan gelongsor yang lembut bagi memberi jaminan keselamatan kepada kanak-kanak. Selain itu, meletakkan pelapik lantai di tandas kanak-kanak dan memastikan longkang di sekitar TASKA bertutup juga antara elemen keselamatan yang digariskan ketika penilaian SKPAK dan dinyatakan juga oleh TASKA 8 yang mengaitkan isu penyelenggaraan berkaitan keselamatan seperti penyelenggaran kolam, longkang dan permainan pasir.

3.1.2 MENINGKATKAN PEMAHAMAN DARI ASPEK KEBERSIHAN

Bagi aspek kebersihan, TASKA 7 menyatakan bahawa melalui penilaian yang dijalankan, TASKA dapat mengetahui dengan lebih lanjut tentang aspek kebersihan kanak-kanak yang tidak diberi perhatian sebelum ini. Kesan daripada penilaian yang dijalankan juga ke TASKA, TASKA 20 menyatakan bahawa akan memastikan kebersihan kolam pasir pada setiap hari dan TASKA 23 pula menyatakan penyimpanan bekas berus gigi kanak-kanak perlu ditutup bagi menjamin kebersihan dari haiwan dan serangga seperti cicak dan tikus. Ini juga dinyatakan oleh TASKA 30 bahawa tempat penyimpanan air sudah ditutup dengan penutup.

3.1.3 MENINGKATKAN AMALAN PENGASUHAN DAN PEMBELAJARAN

Bagi aspek pengasuhan dan pembelajaran, TASKA 4 menyatakan bahawa Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) perlulah lebih terancang dan cara penulisan perlu lebih teratur. Pandangan ini turut dimaklumkan oleh TASKA 9 yang menyatakan penulisan refleksi perlu ditambah baik manakala TASKA 23 pula menyatakan kepentingan untuk memastikan RPA disemak oleh pegawai penyelaras di peringkat daerah setiap bulan.

Selepas penilaian dijalankan, TASKA 20 menyedari kepentingan rutin harian di TASKA perlu dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi memberi pendedahan dan pengalaman mengikut rutin kepada kanak-kanak. TASKA 30 pula menyatakan para pendidik telah membimbing kanak-kanak dalam aktiviti rutin secara terancang setiap hari.

Antara maklum balas yang diterima ialah TASKA 28 menyedari akan kebaikan menambah baik sudut pembelajaran supaya kanak-kanak lebih berminat untuk meneroka di samping memastikan kepentingan setiap ruang atau sudut berfungsi untuk kanak-kanak. Dalam masa yang sama, TASKA 21 dan 24 menyatakan bahawa sudut pembelajaran perlu sentiasa dikemaskini dari masa ke masa bagi memberi rangsangan pelbagai kepada kanak-kanak. TASKA 24 telah mencadangkan untuk mewujudkan guru pemantau untuk setiap sudut pembelajaran dan menyatakan kepentingan menambah baik keceriaan TASKA.

Selanjutnya, penilai telah mencadangkan TASKA 28 untuk membina laluan seperti jalan raya untuk kanak-kanak sekaligus dapat dijadikan ruang pembelajaran berkaitan keselamatan jalan raya. Selain itu, TASKA 23 menyedari kepentingan meletakkan pakaian

main peranan pada paras ketinggian kanak-kanak (lebih rendah) supaya lebih mudah untuk kanak-kanak capai dan teroka.

Mengenai dapatan-dapatan lain yang diperolehi, TASKA 12 mendapati aspek komunikasi bersama kanak-kanak adalah aspek yang perlu ditekankan dan ditambah baik. TASKA 15 pula menyatakan pendidik perlu lebih kreatif dalam menjalankan aktiviti. TASKA 25 pula menyatakan keselesaan kanak-kanak, bimbingan dan jagaan terbaik perlu diberikan kepada kanak-kanak dan ibu bapa. TASKA ini juga turut menekankan tentang kelayakkan pendidik dari segi sahsiah, minat dan tahap pendidikan pendidik yang harus dititikberatkan. Manakala TASKA 30 menyatakan pengurusan kanak-kanak dapat ditambah baik mengikut Standard Operasi Prosedur yang ditetapkan.

MENINGKATKAN KEFAHAMAN TENTANG PEREKODAN DAN DOKUMENTASI TASKA

Perekodan dan dokumentasi merupakan elemen penilaian sering diperhalusi dalam maklum balas ini. TASKA 9 menyatakan bahawa daripada penilaian yang dijalankan, TASKA dapat memahami tentang kepentingan melengkapkan rekod di dalam sistem NCDC dengan mencatat pada bahagian catatan. Pandangan ini juga selari dengan maklum balas daripada TASKA 25 yang juga menggariskan tentang kepentingan menambah baik dari segi cara penyimpanan serta kekemasan rekod berkaitan kanak-kanak dan pengurusan TASKA yang lebih sistematik dan disusun dengan betul supaya mudah diakses apabila diperlukan setiap masa.

Pandangan ini disokong oleh TASKA 26 yang memaklumkan bahawa aspek pengurusan fail yang lebih teratur dan sistematik merupakan elemen yang ditegur oleh penilai ketika penilaian. Mewujudkan beberapa dokumen bagi melancarkan urusan pentadbiran sekaligus meningkatkan kualiti perkhidmatan juga dinyatakan oleh TASKA 27. Selain itu, TASKA 30 bersetuju bahawa kepentingan memastikan setiap dokumentasi perlu lebih sistematik dan diletakkan dengan kemas.


MENAMBAHKAN KESEDARAN TENTANG JALINAN KOMUNITI DAN KOLABORASI

Maklum balas ini turut mengetengahkan aspek jalinan komuniti dan kolaborasi. Selepas penilaian dijalankan, TASKA 27 mengetahui kepentingan meningkatkan kolaborasi dengan komuniti setempat secara aktif. Kenyataan ini disokong oleh TASKA 24 apabila menyedari pentingnya kolaborasi dengan Pejabat Pendidikan Daerah untuk mengetengahkan lagi kewujudan TASKA di dalam komuniti.

MAKLUM BALAS BERKAITAN PENILAI SKPAK

Daripada borang maklum balas yang dianalisis, TASKA banyak memberi pandangan tentang penilai SKPAK yang menjadi tonggak utama dalam memastikan penilaian SKPAK berjaya dilaksanakan ke TASKA-TASKA di Malaysia. Secara ringkasnya, maklum balas kepada penilai boleh dilihat pada Rajah 2.

Rajah 2 Maklum Balas Berkaitan Penilai SKPAK



SIKAP POSITIF PENILAI SKPAK

Hasil daripada proses penilaian SKPAK ini, pihak TASKA telah menerima pelbagai teguran positif daripada penilai SKPAK. TASKA 5 dan TASKA 8 menyatakan bahawa penilai SKPAK menjalankan penilaian dengan teliti, telus dan mengikut item yang terdapat dalam instrumen dengan baik.

TASKA 21 dan TASKA 24 pula menyatakan bahawa penilai SKPAK banyak memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman. TASKA 4 dan TASKA 25 pula menyatakan penilai banyak memberi input, cadangan dan maklum balas sepanjang penilaian dijalankan ke TASKA. Manakala TASKA 17 menyatakan penilaian SKPAK ini dapat memberi semangat kepada pendidik untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik terutamanya selepas mendapat garis panduan yang jelas.

TASKA 28 dan 8 mendapati penilai dapat memberikan maklum balas konstruktif kepada penyelia dan pendidik TASKA untuk memperbaiki kualiti secara keseluruhan. Kenyataan ini disokong oleh TASKA 7 dimana penilai menegur dengan berhemah dibahagian yang dianggap terdapat kekurangan dan kelemahan.

Menurut TASKA 5 bahawa penilaian yang telah dijalankan oleh pegawai penilai sangat teliti dan memenuhi semua aspek. Dalam masa yang sama, TASKA 6 mendapati bahawa penilaian ini memberi keyakinan kepada pendidik dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan dan pengasuhan kepada kanak-kanak.

SIKAP NEGATIF PENILAI SKPAK

Di dalam borang maklum balas yang dianalisis, TASKA juga ada menyatakan bahawa terdapat beberapa sikap penilai yang kurang baik ketika penilaian SKPAK dijalankan. TASKA 2 menyatakan bahawa penilai keliru ketika menilai kawasan luar antara TASKA dan TADIKA kerana kedua-duanya berada di bawah bangunan yang sama. TASKA 3 menyatakan penilai tidak seharusnya menilai fizikal TASKA seperti contoh meminta pendidik mengubahsuai fizikal TASKA (kawasan dapur) kerana itu adalah di luar kawalan pengurus TASKA.

Menurut TASKA 10, penilai telah menjalankan penilaian yang kurang tepat dan dapat dilihat di dalam laporan penilaian iaitu dengan memberikan ulasan berkenaan papan tanda TASKA yang tidak menarik sedangkan yang dimaksudkan penilai ialah papan tanda TADIKA. TASKA 8 menyatakan bahawa penilai telah melaporkan yang TASKA tidak mempunyai tandas dewasa tetapi terdapat gambar tandas dewasa melalui gambar yang dilampirkan


bersama. Dalam maklum balas lain, terdapat juga ulasan daripada penilai yang tidak dipersetujui oleh TASKA 10 iaitu berkaitan dengan isu berkongsi stor bagi TASKA dan TADIKA yang telah disalah faham oleh penilai.

Antara dapatan-dapatan lain mengenai sikap penilai ialah penilai tidak mengambil kira tentang penambahbaikan yang telah dilakukan oleh TASKA 6 dan TASKA 7 dan melaporkan kesalahan yang telah ditambahbaik di dalam laporan akhir dan TASKA 12 turut menyatakan penilai lebih banyak mencari kesalahan TASKA semasa menjalankan penilaian.

PENAMBAHBAIKAN KEPADA PENILAIAN SKPAK

Maklum balas mengenai penambahbaikan kepada beberapa aspek juga merupakan perkara yang berulang kali yang dapat dianalisis melalui borang maklum balas penilaian. Perkara yang digariskan TASKA untuk ditambahbaik adalah perkara seperti Rajah 3.

Rajah 3 Penambahbaikan kepada Penilaian SKPAK



PENAMBAHBAIKAN KEPADA INSTRUMEN SKPAK

Kandungan instrumen ini dinyatakan lebih sistematik dan boleh dijadikan rujukan oleh TASKA 15. Manakala TASKA 19 turut bersepakat bahawa setiap pengukuran dalam instrumen SKPAK amat jelas dan dapat difahami oleh semua pendidik. Kenyataan ini sekali lagi disokong oleh TASKA 25 yang mana kandungan penilaian SKPAK bertepatan dengan matlamat bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terjamin dan perkhidmatan yang diberikan adalah terbaik.

Walau bagaimanapun, pendapat TASKA 2 sedikit bertentangan dengan pendapat-pendapat yang lain di mana kandungan spesifikasi SPAK dikatakan terlalu tinggi untuk diikuti oleh TASKA 2 terutama dari segi keluasan bangunan dan kemudahan yang tertakluk kepada pihak agensi dan memerlukan kos yang tinggi untuk disediakan. Pandangan ini turut disokong oleh TASKA 9 dimana kandungan spesifikasi SKPAK perlu fleksibel bergantung kepada situasi semasa di TASKA 4 terutama yang melibatkan keadaan fizikal TASKA kerana ianya di luar bidang kuasa pendidik.

PENAMBAHBAIKAN KEPADA PENGURUSAN PENILAIAN SKPAK

Aspek pengurusan Unit Jaminan Kualiti turut mendapat perhatian dalam maklum balas ini. TASKA 28 mendapati Unit Jaminan Kualiti memberikan kerjasama yang baik dengan memberikan pemakluman lawatan panel lebih awal secara rasmi kepada TASKA.

Walau bagaimanapun beberapa kritikan juga perlu diberi perhatian untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dalam unit ini antaranya; TASKA 21 kurang berpuas hati berkenaan lampiran penuh penilaian tidak dilampirkan dalam surat pemakluman untuk diteliti dan difahami secara jelas.

Manakala, TASKA 16 berpendapat mereka tidak diberikan pendedahan secara terperinci elemen yang hendak dinilai sebelum kehadiran penilai (TASKA hanya menerima secara umum). Dalam pada masa yang sama, TASKA 21 mendapati perancangan pengurusan masa antara penilaian penilai pertama dan penilai kedua dilakukan dalam jangka masa hanya selang sehari dimana TASKA tidak mempunyai masa yang cukup untuk membuat penambahbaikan.

Selanjutnya, TASKA 2 berpendapat pihak pengurusan terlepas pandang apabila kehadiran penilai pertama dan kedua yang datang menilai TASKA adalah daripada agensi dan tempat bertugas yang sama.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, terdapat banyak aspek kualiti dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang dapat digariskan melalui penilaian SKPAK ke TASKA. Ini selari dengan hasil penilaian kualiti TASKA daripada kajian-kajian lepas yang menggunakan instrumen kualiti bagi mendapatkan tahap kualiti dan aspek kualiti yang baik dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak yang dapat membantu perkembangan kanak-kanak dengan holistik (Megalonidou, 2020). Dapatkan daripada kajian ini juga menggariskan beberapa impak penting dalam penilaian kualiti TASKA di Malaysia antaranya ialah dari aspek keselamatan, kebersihan, perekodan dan dokumentasi, kolaborasi keluarga dan komuniti serta amalan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Impak yang digariskan ini adalah terbukti antara perkara yang selalu tidak diperhatikan oleh TASKA melalui dapatan daripada kajian lepas (Mutalib & Saleh, 2021).

Selain daripada impak perkara kualiti yang diterima oleh TASKA dalam penilaian SKPAK yang dijalankan, penilaian SKPAK juga melibatkan penilai yang melaksanakan penilaian ini ke TASKA-TASKA di Malaysia. Penilai SKPAK yang membawa instrumen penilaian memainkan peranan yang penting dalam menjalankan penilaian serta membuat teguran kepada TASKA bagi perkara yang telah dinilai. Wan Huzaini dan Norasmah (2018) dalam kajian ke atas ‘Tingkah laku nazir sekolah yang baharu’ menandakan beberapa tingkah laku yang mendapat skor tertinggi iaitu; yakin diri dalam membuat keputusan, mempertimbangkan pelbagai fakta relevan ketika penilaian, mengenal pasti alternatif sebelum membuat keputusan, menganalisis percanggahan maklumat sebelum meletakkan skor penilaian dan sebagainya.

Menyediakan dan memastikan semua penilai kualiti sekolah berada di tahap yang terbaik merupakan salah satu perkara asas yang perlu dititikberatkan dalam memastikan

penilaian kualiti pendidikan berada di tahap yang memuaskan (Ceylan & Can, 2019). Bagi Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, KPM, nazir yang menilai kualiti sekolah akan menghadiri Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) secara berkala bagi memastikan pengetahuan tentang ilmu pendidikan adalah terkini serta pemeriksaan dan pengawasan sekolah berada di tahap yang berkualiti (Kahar & Othman, 2022). Justeru itu, bagi penilai SKPAK yang menilai tahap kualiti TASKA di Malaysia perlu diberikan lebih latihan dan pendedahan tentang penilaian kualiti TASKA bagi memastikan penilaian yang dijalankan adalah telus, berhemah dan memberi kesan positif kepada TASKA.

Memandangkan penilaian SKPAK merupakan perkara baru dalam sistem pengukuran penilaian kualiti TASKA, terdapat beberapa ruang penambahbaikan yang dapat digariskan melalui maklum balas TASKA iaitu; item dalam instrumen dan pengurusan penilaian SKPAK. Kedua-dua aspek ini memainkan peranan penting kepada TASKA dalam memastikan tahap kualiti yang digariskan adalah relevan dan mampu dilaksanakan oleh TASKA. Walau bagaimanapun Helmerhorst et al. (2017) menyatakan bahawa item dalam penilaian kualiti pendidikan diletakkan pada satu tahap yang tinggi bagi menggalakan pihak yang dinilai dapat berusaha untuk mencapai tahap yang terbaik contohnya seperti *Infant and Toddlers Environment Rating Scale (ITERS)* dan *Early Childhood Environment Rating Scale (ECERS)*. Kedua-dua instrumen penilaian kualiti bagi pendidikan awal kanak-kanak ini berada di tahap yang terbaik bagi memastikan TASKA dapat menyediakan perkhidmatan yang eksklusif kepada kanak-kanak di Malaysia.

Bidang pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia sering tidak diperhatikan dengan teliti dari sudut akta, peraturan dan pelaksanaan (Mutalib & Saleh, 2021). Rahmatullah et al. (2021) menyatakan beberapa isu bagi bidang pendidikan awal di Malaysia antaranya adalah isu bagi penekanan akademik kepada kanak-kanak di awal usia yang bercanggah dengan Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang menekankan aspek emosi, fizikal, sosial, budaya dan sebagainya. Selain itu, isu pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia juga melibatkan perkara berkaitan tenaga kerja dan pendidik, persekitaran fizikal TASKA serta kolaborasi bersama ibu bapa dan komuniti setempat.

Daripada isu yang digariskan, didapati masih banyak aspek yang perlu ditingkatkan oleh TASKA di Malaysia bagi menghasilkan generasi madani. Justeru itu, item yang diletakkan di dalam instrumen SKPAK adalah relevan dan perlu dipatuhi oleh TASKA dalam memastikan pendidikan awal di Malaysia selari dengan pendidikan awal di negara-negara maju yang lain.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam mendapatkan satu penilaian pendidikan awal yang berkualiti, banyak aspek yang perlu dititik beratkan dan ditambahbaik. Pendidikan awal kanak-kanak melibatkan sebahagian besar daripada tumbesaran sel otak kanak-kanak yang wajar diberikan perhatian sepenuhnya oleh semua pihak. Persepsi tentang sekadar ‘pusat asuhan ketika ibu bapa keluar bekerja’ perlulah dihapuskan daripada fahaman dan pandangan semua pemegang taruh bagi memastikan semua pihak dapat mendalam fungsi pendidikan awal kanak-kanak, terutamanya pendidik. Kerajaan perlu serius dalam melihat kepentingan sektor ini kerana bagi menghasilkan generasi yang cemerlang dan terbilang, lenturan awal perlu bermula di awal usia. Pencambahan teknologi membuatkan perkembangan kanak-kanak hari ini berjalan pantas dan memerlukan rangsangan yang lebih jitu dan holistik yang dapat disediakan oleh pusat pendidikan awal kanak-kanak.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan, kami ingin ucapkan kepada pihak pengurusan Bahagian PERMATA, KPM kerana telah memberikan kebenaran dan menyokong usaha kami untuk menghasilkan artikel ini. Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada pihak TASKA dan agensi terlibat (JPNIN, KEMAS, YPKT dan PERMATA), para penilai, pengurus dan pendidik yang telah memberikan kerjasama yang baik bagi meningkatkan tahap kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

RUJUKAN

- Araujo, M. C., Dormal, M., & Schady, N. (2019). Child care quality and child development. *J. Human Resources*, 54(3), 656-682. doi:10.3368/jhr.54.3.0217.8572R1
- Ceylan, M., & Can, S. (2019). Evaluation of Teachers' Views on School Managers' Classroom Supervision. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry (TOJQI)*, 10 (4), 490 – 510.
- Helmerhorst, K. O. W., Fikkink, R., Riksen-Walraven, J. M., Deynoot-Schaub, M. J. J. M. G., & Tavecchio, L. (2017). Improving quality of the child care environment through a consultancy programme for centre directors. *International Journal of Early Years Education*, 25(4), 361–378. <https://doi.org/10.1080/09669760.2017.1321528>
- Helmerhorst, K. O. W., Fikkink, R., Riksen-Walraven, J. M., Deynoot-Schaub, M. J. J. M. G., & Tavecchio, L. (2017). Improving quality of the child care environment through a consultancy programme for centre directors. *International Journal of Early Years Education*, 25(4), 361–378. <https://doi.org/10.1080/09669760.2017.1321528>
- Husain, W. H. B. W., & Othman, N. B. (2018). Penilaian tingkah laku nazir sekolah baharu dalam membuat oertimbangan tahap kualiti institusi pendidikan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3(14), 31–47.
- In-text citation
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2021). Laporan Statistik Tahun 2020. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/articles&id=U0dpTUVpRXlyYUIFVFFLUmVnUVJUdz09>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). Statistik utama tenaga buruh di Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=UXIFcW1pSnhhZUFSSSTc0RDhnR3V3dz09>
- Kahar, H. S., & Othman, N. (2022). Penilaian input dan reaksi program latihan dalam perkhidmatan oleh Jemaah Nazir kepada Nazir Sekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(9), e001715. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i9.1715>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/1818-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021a). *Garis Panduan Instrumen Penilaian Validasi bagi Pelaksanaan Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SKPAK)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021b). *Instrumen Penilaian Validasi Standard Kualiti Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SKPAK)*.
- Lam, S. S., Yik, M. S. & Schaubroeck, J. 2002. Responses to formal performance appraisal feedback: The role of negative affectivity. *Journal of Applied Psychology* 87(1): 192-201.
- Ling, Ying Leh and Abdul Ghani Kanesan Abdullah, and Aziah Ismail, (2015) Persekitaran maklum balas sebagai penentu efikasi kendiri pengajaran pensyarah politeknik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40 (2). pp. 101-109. ISSN 0126-6020 / 2180-0782
- Mat Seri, M. E., Mamat, N., Omar, R., & Kamaruddin, N. (2020). Persepsi ibu bapa terhadap kualiti taman asuhan kanak-kanak (taska) di Malaysia: Parental perception towards the quality of taska in Malaysia. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 91–105. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4541>
- Megaloniidou, C. (2020). The quality of early childhood education and care services in Greece. *International Journal of Child Care and Education Policy*, 14(1). <https://doi.org/10.1186/s40723-020-00074-2>
- Mutalib, M., & Saleh, N. S. S. N. (2021, January 12). Quality enhancement of child care centres in Malaysia: An analysis on laws and regulations. [ResearchGate](https://www.researchgate.net/publication/353700000).

- https://www.researchgate.net/publication/348406776_QUALITY_ENHANCEMENT_OF_CHILD_CARE_CENTRES_IN_MALAYSIA_AN_ANALYSIS_ON LAWS_AND_REGULATIONS
- Osuala, R. C., Onwuagboke, B. B. C., & Agoha, T. C. (2018). Continuous Assessment Feedback and Students' Performances in Semester Examinations in a College of Education. *American Journal of Educational Research*. <https://doi.org/10.12691/education-6-6-16>
- Rahmatullah, B., Rawai, N. M., Samuri, S. M., & Yassin, S. M. (2021). Overview of early childhood care and education in Malaysia. *Hungarian Educational Research Journal*, 11(4), 396–412. <https://doi.org/10.1556/063.2021.00074>
- Sulaiman, Y., & Lie, N. S. (2021). Quality assurance among childcare employees in Selangor. *WSEAS Transactions on Business and Economics*, 18, 1498–1511. <https://doi.org/10.37394/23207.2021.18.137>
- Tayler, C., Ishimine, K., Cloney, D., Cleveland, G., & Thorpe, K. (2013b). The quality of early childhood education and care services in Australia. *Australian Journal of Early Childhood*, 38(2), 13–21. <https://doi.org/10.1177/183693911303800203>
- Winnie, P. H. & Butler, D. L. 1994. Student cognition in learning from teaching. In T. Husen & T. Postlewaite (Eds.), *International encyclopaedia of education*, 5738-5745 (2nd Ed.). Oxford, UK: Pergamon